



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TALKING POINT

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT

KEMBARA PRIHATIN NEGARA@OpBantu

TUJUAN

1. Pada hari ini saya dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin telah turun padang menerusi Kembara Prihatin Negara@OpBantu bagi :
 - (i) Menyantuni mereka yang terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan dengan pengagihan barangan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak dan keperluan lain kepada 200 penduduk Perumahan Awam PPR Jelatek, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur.
 - (ii) Menyambut tawaran oleh Kementerian Dalam negeri untuk berkolaborasi dalam menjayakan program Kembara Prihatin Negara@OpBantu.
 - (iii) Memperkukuh serta memperkasa hubungan kerjasama yang sedia terjalin antara KPWKM dan KDN.

KEMBARA PRIHATIN NEGARA@OPBANTU

2. KEMBARA PRIHATIN NEGARA@OPBANTU merupakan nilai tambah kepada pelaksanaan Kembara Prihatin@Kongsi rezeki yang telah saya mulakan pada 4 Julai yang lalu
3. Saya menyambut baik hasrat Kementerian Dalam Negeri untuk berkolaborasi bersama-sama dalam menjayakan Kembara Prihatin Negara@Op Bantu ini.

4. ini merupakan **kerjasama strategik** antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Dalam Negeri dan juga **inisiatif baharu** pendampingan sosial kepada mereka yang memerlukan bantuan semasa pandemik COVID-19 serta **QUICK WIN** sebagai **tindak balas pro aktif kepada isu dan situasi yang sedang dihadapi oleh masyarakat sekarang.**
5. **Jika sebelum ini kita melihat Polis lebih tertumpu kepada aspek penguatkuasaan, pencegahan,** tetapi melalui Kembara Prihatin@OpBantu ini, Polis akan membantu masyarakat yang memerlukan dengan kerjasama KPWKM.
6. **Kembara Prihatin Negara@Op Bantu ini** akan berada di lokasi yang memerlukan hasil maklumat yang diperolehi melalui **Pemimpin Masyarakat, Talian Kasih 15999, Bilik Gerakan JKM, aduan melalui media sosial serta aduan yang diterima di Balai Polis, Bilik Gerakan Polis atau Peronda Polis.**
7. Kembara Prihatin Negara@OpBantu ini juga **akan membawa perkhidmatan Polis agar lebih dekat dengan komuniti dan pada masa yang sama** berpeluang untuk mendekati masyarakat untuk mengesan gejala sosial atau kes-kes jenayah setempat dan dipanjangkan kepada KPWKM untuk tindakan intervensi bersama.

KERJASAMA SEDIA ADA ANTARA KPWKM DENGAN KDN

8. Kerjasama yang sedia ada antara KPWKM dengan KDN seperti berikut :
 - 8.1 Ahli Tetap Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak;
 - 8.2 PDRM sebagai Ahli Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK);

- 8.3 PDRM sebagai Ahli Pasukan Pelindung Kanak-kanak;dan
- 8.4 PDRM membantu JKM dalam pengurusan kes-kes keganasan rumahtangga;dan
- 8.5 RELA membantu JKM dalam penyaluran bantuan kepada rakyat semasa PKP.

CADANGAN KERJASAMA

9. Berikut adalah cadangan kerjasama yang akan dilaksanakan antara KPWKM dengan KDN semasa pandemik COVID-19:
 - 9.1 menjadikan Balai Polis sebagai **Pusat Aduan Sosial Rakyat;**
 - 9.2 bekerjasama dengan KPWKM **dalam menyantuni rakyat yang berhadapan dengan isu-isu sosial;**
 - 9.3 bersama-sama dengan KPWKM semasa **melaksanakan program Kembara Prihatin Negara@Op Bantu.**

KEMBARA PRIHATIN NEGARA

10. Sejak dilancarkan pada **1 November 2020 yang lalu sebanyak 2324 program telah dilaksanakan melibatkan seramai 669,727 orang mendapat manfaat dan 4035 syarikat korporat dan NGO memberi sumbangan.**
11. Oleh itu, usaha murni ini diharap akan berterusan walaupun selepas pandemik COVID-19. Di samping masyarakat mendapat bantuan yang sewajarnya, Polis juga akan dapat mewujudkan community engagement bagi membasmi jenayah dan gejala sosial.

PENUTUP

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyeru masyarakat awam untuk menghubungi **Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam dan juga balai polis yang berhampiran sekiranya memerlukan bantuan sokongan sosial semasa berhadapan dengan saat sukar sekarang.**

**#Kita Jaga Kita #Lindung DiriLindung Semua#
#TeguhKita Menang Bersama#**

6 Julai 2021

MAKLUMAT TAMBAHAN

A. Mekanisme Pergerakan Kembara Prihatin Negara@Kongsi Rezeki

1. **Kaedah Penjadualan** akan dilakukan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan untuk pergerakan Kembara Prihatin Negeri@Kongsi Rezeki berdasarkan kepada aduan yang diterima. Setiap aduan akan dipaparkan di laman rasmi media sosial serta dimaklumkan kepada Jabatan Penerangan.
2. **Kerjasama dengan pemimpin tempatan** dalam menentukan lokasi penghantaran barangan
3. **Bergerak ke rumah klien** yang memerlukan dengan **kadar serta merta** setelah mendapat aduan.
4. Setiap pengadu dan penyampaian akan di**highlight**kan di dalam media sosial.
5. **Jaringan kerjasama** antara Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan dan **NGO/NGI** akan dipertingkatkan sebagai **value added** kepada sumbangan Kerajaan.
6. **Laporan/Aduan yang diterima oleh Bilik Gerakan PDRM/Balai Polis berdekatan.**

B. Pemberian Bantuan JKM

1. Skim bantuan yang diwujudkan adalah sebagai mekanisma **dalam proses menolong klien ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian sosial yang merupakan satu kaedah dalam kerja sosial.** Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari.
2. Terdapat **11 Skim Bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat** yang terdiri daripada Bantuan Kanak-kanak, Bantuan

Warga Emas, Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya, Bantuan OKU Tidak Berupaya Berkerja, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar /Pesakit Kronik Terlantar, Bantuan Am, Bantuan Latihan Perantis, Bantuan Anak Pelihara, Geran Pelancaran, Tabung Bantuan Segera dan Bantuan Alat Sokongan/ Tiruan.

3. Sehingga **Mei 2021**, jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai **517,769 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM 1.1billion (Perbelanjaan Januari – Mei 2021).**

C. Senarai Barangan

BIL	SENARAI BARANGAN
1.	Pampers kanak-kanak Drypers saiz L / M
2.	Beras
3	Telur Ayam
4	Pek Kecil bawang merah
5	Rempah ratus
6	teh
7	Kicap
8	Sos Tomato
9	Sos Cili
10	Garam
11	Gula
12	Ikan Bilis
13	Tepung Gandum
14	Asam Jawa
15	Minyak masak
16	Tuala Wanita
17	Pelitup mulut dan hidung

D. Kawasan PKPD

BIL	NEGERI	JUMLAH KAWASAN PKPD
1	Sabah	62
2	Selangor	40
3	Kuala Lumpur	18
4	Sarawak	9
5	Johor	5
6	Labuan	5
7	Pulau Pinang	5
8	Perak	4
9	Kelantan	4
10	Pahang	4
11	Kedah	2
12	Melaka	2
13	Negeri Sembilan	2
14	Terengganu	1
	JUMLAH KESELURUHAN	163